

24 MAR 2002

Danaharta-Tajudin

DANAHARTA PERTAHANKAN HAK DALAM PENJUALAN SAHAM TRI

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Pengurusan Danaharta Nasional Berhad hari ini berkata ia akan mempertahankan haknya berhubung penjualan saham milik Tan Sri Tajudin Ramli dalam Technology Resources Industries Berhad.

Dalam satu kenyataan di sini hari ini, Danaharta berkata ia akan bersungguh-sungguh mempertahankan haknya berhubung pinjaman cagaran itu dan akan diwakili secukupnya dalam mana-mana perbicaraan di mahkamah.

Tajudin, yang memiliki kira-kira 24 peratus syarikat TRI, dilaporkan telah memohon injunksi bagi menghentikan Danaharta daripada menjual saham beliau dalam syarikat itu.

Permohonan itu dijangka didengar Isnin ini di Mahkamah Tinggi di sini.

Danaharta berkata menjadi prinsip asas perbankan bahawa peminjam yang mematuhi syarat-syarat pinjaman tidak perlu takut tentang penjualan cagaran mereka.

"Bagaimanapun, para peminjam yang gagal menjelaskan pinjaman perlu bertanggungjawab terhadap prestasi akaun mereka dan sedia pula menghadapi kesannya," katanya.

Danaharta berkata ia sentiasa melayani para peminjam secara profesional dengan sikap terbuka dan dalam soal ini, Tajudin tidak terkecuali daripada layanan sedemikian.

Dengan itu, Danaharta agak terkejut dengan tindakan Tajudin itu.

Danaharta berkata menjadi tugasnya untuk mendapatkan semula sebanyak mungkin daripada pinjaman tidak berbayar.

Ketika diminta mengulas isu itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan tidak akan campur tangan kerana ia merupakan soal yang berkaitan dengan syarikat.

"Kita serahkan kepada mereka untuk menyelesaikannya. Ini bukan soal kerajaan. Ini isu swasta, isu syarikat," katanya ketika ditemui pemberita di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang untuk menyambut kepulangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada lawatan ke Eropah.

Katanya, Danaharta, selaku agensi pengurusan aset mempunyai peranannya tersendiri dalam menguruskan hal-hal berkaitan syarikat.

"Jadi, biar ia kendalikan perkara ini," kata Abdullah.

Mengenai injunksi oleh Tajudin, beliau berkata tidak ada siapa yang boleh menghalang pengerusi TRI itu membuat permohonan berkenaan jika dia berpendapat itu adalah haknya.

--BERNAMA

DC MR MAD MAI